



Sayu kenang tulisan Jawi

PADA 10 Julai lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mengumumkan Jumaat dijadikan hari tulisan Jawi. Setakat ini masih belum jelas apakah akan berlaku pada tulisan Jawi pada setiap Jumaat. Adakah digalakkan supaya surat rasmi dari Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan menggunakan tulisan Jawi?

Adakah pada setiap Jumaat, di dalam bilik darjah, pelajar akan dibenarkan menggunakan tulisan Jawi untuk mengambil nota, menjawab ujian atau guru akan menulis di papan hitam menggunakan tulisan itu?

Semua ini sekadar andaian awal sahaja sebab belum jelas lagi apa bentuk pengisiannya. Ada juga yang bertanya, adakah tulisan Jawi untuk urusan agama Islam sahaja?

Atau dalam kata lain dengan belajar tulisan Jawi akan menjadikan seseorang itu Islam atau lebih Islam? Mengapa bukan Menteri Pendidikan, Menteri Ekonomi atau Menteri Sains dan Alam Sekitar yang membuat pengumuman tersebut.

Adakah tulisan Jawi tidak sesuai dalam urusan pendidikan, ekonomi atau sains teknologi? Tak kurang juga yang bertanya mengapa dipilih hari penghulu segala hari iaitu Jumaat? Hari lain tidak sesuaikah?

Mungkin ada yang berbangga dengan kempen 'Hari Jumaat, hari tulisan Jawi.' Mungkin ada yang rasa kagum dan gembira. Tapi ikhlas saya katakan, saya rasa sayu dan insaf dengan berita ini. Tiba-tiba sahaja perasaan itu datang tanpa dijangka.

Rasa sayu bila mengenang betapa rendahnya nilai tulisan jawi di negara ini. Insaf pula kerana terpaksa diadakan kempen dan dirayu orang ramai untuk menggalakkan penggunaannya.

Sebenarnya tulisan Jawi ini statusnya adalah tulisan rasmi negara ini. Mengikut catatan ahli sejarah, tulisan Jawi yang pertama dijumpai dalam masyarakat Melayu bertarikh 1303 Masihi. Tulisan Jawi ini ada pada Batu Bersurat Terengganu.

Bayangkan, tulisan Jawi telah pun berada dalam tradisi bangsa Melayu selama lebih 700 tahun sehingga hari ini. Semua khazanah sastera, kitab ilmu pengetahuan dan naskah intelektual Melayu selama hampir 700 tahun ditulis dalam tulisan Jawi.

Menurut penyelidik tulisan



“Apabila penjajah Portugis, Belanda Inggeris dan Jepun datang menguasai Tanah Melayu, tulisan Jawi tetap dikekalkan.”

Jawi, Adi Yasan Abdul Aziz (2010) di dalam makalah *Perbandingan Tulisan Jawi dan Kosakata Pada Batu Bersurat Plagam Terengganu Dengan Manuskrip Undang-undang Melaka dan Kedah*, sistem ejaan Jawi yang terdapat pada Batu Bersurat Terengganu didapati hampir kepada sifat tulisan yang lengkap dengan sistemnya yang tersendiri.

Berdasarkan tata bahasa, ejaan dan rupa khatnya disahkan Batu Bersurat Terengganu mempunyai bentuk huruf Jawi yang tertua di dunia. Inilah tulisan asal bagi bahasa Melayu di Tanah Melayu sejak ratusan tahun dulu.

Ada yang mengandaikan tulisan asal bahasa Melayu

adalah tulisan Pallava dan tulisan Rengcong. Sebenarnya, tulisan Pallava telah digunakan untuk bahasa Sanskrit oleh masyarakat di Pulau Jawa dan tulisan Rengcong pula digunakan masyarakat di Pulau Sumatera.

Di Tanah Melayu, tulisan Jawi digunakan bukan sahaja dalam kehidupan sebarisan masyarakat tetapi juga dalam urusan surat menyurat, penulisan buku dan dokumen perjanjian.

Apabila penjajah Portugis, Belanda Inggeris dan Jepun datang menguasai Tanah Melayu, tulisan Jawi tetap dikekalkan. Semua urusan rasmi termasuk surat perjanjian pihak penjajah dengan Sultan dan pembesar menggunakan tulisan Jawi.

Di Universiti Leiden, Universiti London dan banyak universiti lain serata dunia, terdapat ribuan surat dan dokumen rasmi yang asalnya dari Tanah Melayu ditulis dengan tulisan Jawi.

Para ulama selama ratusan tahun di Tanah Melayu juga menulis kitab agama menggunakan tulisan Jawi. Raja Ali Haji menulis *Tuhfah al-Nafis* dalam tulisan Jawi. *Salatus Salatin* juga dalam tulisan Jawi. Hikayat Hang Tuah dan ribuan kitab khazanah ilmu Melayu telah ditulis dalam tulisan Jawi. Tak terkira banyaknya ilmu bangsa

Melayu dalam tulisan Jawi.

Penjajah tidak pernah sekalipun terfikir untuk memansuhkan tulisan Jawi walaupun mereka memperkenalkan tulisan Rumi di Tanah Melayu pada akhir abad 19. Malah penjajah sendiri berusaha belajar tulisan Jawi untuk melancarkan urusan pentadbiran dan untuk tujuan penulisan kajian mereka.

R.O Winstead (Pengarah Pelajaran), O.T Dussek (Pengetua STG), Hugh Low (Residen Pahang) dan ramai lagi pegawai Inggeris menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi dengan baik.

Begitulah rapatnya bangsa Melayu dengan tulisan Jawi. Tetapi khazanah yang terkumpul lebih 700 tahun ini sudah tidak lagi boleh dibaca oleh kebanyakan generasi merdeka apabila tulisan Jawi dimansuhkan dan digantikan dengan tulisan Rumi di dalam sistem pendidikan negara pada 1966. Tulisan Rumi hanya wujud sekitar akhir abad 19 di Tanah Melayu. Belum pun sampai 150 tahun.

Sedangkan tulisan Jawi sudah lebih 700 tahun. Alasan pemimpin ketika itu, tulisan Jawi perlu dimansuhkan kerana orang bukan Melayu tidak tahu tulisan Jawi.

Besar sekali pengorbanan orang Melayu sehingga sanggup menerima pemansuhan tulisan Jawi pada 1966 semata-mata untuk memberi laluan kepada pembinaan sebuah sistem pendidikan negara berasaskan tulisan Rumi yang dikatakan lebih mudah difahami semua kaum.

Akhirnya, tulisan Jawi yang sudah 700 tahun bersama orang Melayu pupus perbahasan. Jika tulisan Jawi tidak dimansuhkan dari sistem pendidikan kebangsaan pada 1966 oleh pemimpin ketika itu, hari ini tentu semua anak Melayu menguasai dengan baik tulisan Jawi.

Tentu hari ini mereka masih boleh membaca, mengetahui dan menghargai berbagai-bagai bahan sejarah khazanah bangsa Melayu sejak 700 tahun lalu.

Akibat kerelaan pemimpin yang memansuhkan tulisan Jawi di dalam sistem pendidikan negara, hari ini tulisan Jawi ibarat 'melukut di tepi gantang'. Ada tidak bertambah, tiada pun tidak berkurang.

MALAYSIA KITA

MARO

